

AMPICILLIN CAPSULE

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Ampicillin Trihydrate (250 mg, 500 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ampicillin Capsule
2. Bagaimana Ampicillin Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ampicillin Capsule
4. Cara menggunakan Ampicillin Capsule
5. Semasa menggunakan Ampicillin Capsule
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ampicillin Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ampicillin Capsule

Digunakan untuk rawatan jangkitan disebabkan oleh mikrob sensitif seperti:

1. Jangkitan telinga, hidung dan tekak
2. Jangkitan bahagian bawah salur'an pernafasan
3. Jangkitan saluran kencing
4. Jangkitan kulit dan tisu lembut

Bagaimana Ampicillin Capsule berfungsi

Ampicillin adalah antibiotik anti bakteria yang menghalang sintesis dinding sel bakteria. Juga, pembahagian sel dan pertumbuhan dihalang dan kematian bakteria sering terjadi.

Sebelum menggunakan Ampicillin Capsule

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Ampicillin Capsule pada pesakit hipersensitif kepada Ampicillin.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan mengambil Ampicillin Capsule jika anda mengandung, merancang untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung.

Jangan ambil Ampicillin Capsule jika anda sedang menyusukan bayi.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Ampicillin Capsule

- Sebelum mula menggunakan Ampicillin Capsule

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

1. Hipersensitif kepada Penicillin atau Cephalosporin atau Penicillamine
2. Fungsi buah pinggang yang terjejas

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan ubat penghapus bakteria, ubat mencegah kehamilan oral, Probenecid, Allopurinol dan ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Ampicillin Capsule

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 250 – 500 mg setiap 6 jam sehingga 6 g setiap hari
Kanak-kanak sehingga 20 kg berat badan: 12.5 – 25 mg per kg berat badan setiap 6 jam
Gonorrhoea: 3 g sebagai dos oral tunggal boleh diambil dengan 1 g Probenecid Jangkitan gastrousus disebabkan oleh mikroorganisma sensitif: 1 – 2 g secara oral setiap 6 jam
Ubat perlu diambil ketika perut kosong.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Ampicillin Capsule untuk rawatan yang penuh.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan kapsul secara berlebihan mungkin boleh menyebabkan gangguan gastrousus, fungsi hati yang terjejas

secara berbalik dan cirit-birit. Masalah terlebih dos kemungkinan tidak berlaku jika pengambilan air yang cukup dan pembuangan air kencing dapat dikekalkan. Bagaimanapun, kehadiran batu dalam air kencing boleh terjadi.

Semasa menggunakan Ampicillin Capsule

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Ampicillin Capsule.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor dan ahli farmasi anda

Jangan beri Ampicillin Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pengurangan dos diperlukan pada individu dengan masalah buah pinggang yang terjejas.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ampicillin Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-sesan sampingan Ampicillin Capsule termasuklah:

Hipersensitiviti atau reaksi allergi seperti ruam-ruam kulit sama ada gegat atau ruam, gatal-gatal atau bunyi ketika bernafas.

Iritasi gastrousus seperti kekejangan abdomen atau perut, sakit, kembung perut, loya, muntah-muntah, cirit-birit dan keradangan usus besar.

Demam, peningkatan dahaga, letih luar biasa atau lemah dan jangkitan sekunder oleh patogen dengan penggunaan jangka panjang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting

Side Effects to Medicines (ConSERF) or
Vaccines.

Cara penyimpanan dan pelupusan

Ampicillin Capsule

- Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak
Simpan bekas dengan ketat
Simpan di tempat kering di bawah 25°C
Lindungi dari cahaya

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah.
Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Ampicillin Capsule 250mg
Kapsul gelatin berwarna merah/ hitam bersaiz ‘2’ dengan granul putih

Ampicillin Capsule 500mg
Kapsul gelatin berwarna merah/ hitam bersaiz ‘0’ dengan granul putih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Ampicillin Trihydrate

- Bahan-bahan tidak aktif
Ampicillin Capsule 250mg
Magnesium stearate

Ampicillin Capsule 500mg
Magnesium stearate

- MAL number

Ampicillin Capsule 250mg
MAL19910018AZ

Ampicillin Capsule 500mg
MAL19910019AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran

Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/04/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)240418/00122